

## BAB IV

### ANALISIS DATA

#### 4.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan melihat persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ). Kajian juga bertujuan melihat adakah terdapat hubungan antara persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dengan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam semasa PMR, persepsi pelajar terhadap peranan guru, ibu bapa dan pekerjaan ibu bapa atau penjaga. Bahagian ini akan menjawab soalan-soalan kajian:-

1. Sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA ) ?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dengan pekerjaan bapa atau penjaga ?

4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR ?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian pelajar dalam PMR mengikut jantina ?

#### **4.2 Demografi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak. Sampel kajian adalah seramai 60 orang iaitu 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan tahap pencapaian dalam Penilaian Perkara Asas Fardu Ain yang dikategorikan kepada tiga peringkat iaitu cemerlang, sederhana dan lemah bersumberkan guru Pendidikan Islam yang juga merupakan guru PAFA pelajar.

Butir-butir lengkap sampel kajian berdasarkan jantina, gred Pendidikan Islam, tempat kediaman semasa PMR dan pekerjaan ibu bapa atau penjaga para pelajar adalah seperti berikut.

Jadual 1 : Taburan sampel mengikut jantina.

Jantina	Peratus ( % )	Jumlah ( N )
Lelaki	50	30
Perempuan	50	30
Jumlah	100	60

Jadual 1 menunjukkan taburan sampel yang seimbang iaitu 50 % ( 30 ) sampel lelaki dan 50 % ( 30 ) sampel adalah perempuan.

Taburan sampel kajian mengikut pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Taburan sampel kajian mengikut pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Pencapaian	Peratus ( % )	Jumlah ( N )
Cemerlang	51.7	31
Kepujian	35.0	21
Lulus	11.7	7
Gagal	1.6	1
Jumlah	100	60

Jadual 2 menunjukkan taburan sampel kajian mengikut gred pencapaian cemerlang adalah terdiri daripada A dan B, kepujian pula ialah gred C, lulus pula adalah Gred D manakala gagal adalah gred E dalam PMR. Jadual 2 menunjukkan bahawa 51.7 % ( 31 ) sampel kajian terdiri daripada pelajar yang memperolehi pencapaian cemerlang dalam PMR diikuti 35 % ( 21 ) yang memperolehi kepujian , 11.7 % ( 7 ) memperolehi pencapaian lulus dan 1.6 % ( 1 ) sampel adalah gagal.

Taburan sampel mengikut tempat kediaman semasa menduduki PMR adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Taburan sampel kajian mengikut tempat kediaman semasa menduduki PMR.

Tempat kediaman	Peratus (%)	Jumlah ( N )
Asrama	26.7	16
Rumah	73.3	44
Jumlah	100	60

Jadual 3 menunjukkan 73.3 % ( 44 ) sampel kajian adalah tinggal di rumah manakala 26.7 % ( 16 ) adalah tinggal di asrama.

Akhir sekali taburan sampel kajian mengikut pekerjaan bapa atau penjaga seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4 : Taburan sampel kajian mengikut pekerjaan bapa atau penjaga.

Pekerjaan	Peratus (%)	Jumlah ( N )
Kerajaan	51.7	31
Swasta	6.6	4
Sendiri	41.7	25
Jumlah	100	60

Jadual 4 menunjukkan bahawa 51.7 % ( 31 ) sampel kajian terdiri daripada pelajar yang pekerjaan bapa atau penjaganya dalam sektor kerajaan. Manakala 41.7 % ( 25 ) sampel kajian terdiri daripada bapa atau penjaga bekerja sendiri dan 6.6 % ( 4 ) adalah bekerja di sektor swasta.

#### **4.3 Analisis Dapatan Kajian**

Analisis berikut adalah bertujuan menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan dalam Bab 1. Antaranya:-

1. Sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR ?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dengan pekerjaan bapa atau penjaga ?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR ?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR ?

6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR mengikut jantina ?

4.3.1 Soalan kajian 1: Sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ?

Bagi menjawab soalan kajian sejaugmanakah persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain, huraian dibuat berdasarkan beberapa sub-topik berikut:-

1. Kepentingan PAFA kepada pelajar.
2. Kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.
3. Kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.
4. Pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA.
5. Kepentingan amalan ibadat seharian dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik.
6. Kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar.

Dalam menjawab soalan kajian ini, sebanyak 6 jadual dibentuk. Taburan kekerapan dan peratus digunakan untuk membuat analisis pernyataan-pernyataan tersebut.

1. Kepentingan PAFA kepada pelajar.

Jadual 5 : Taburan sampel kajian mengikut kepentingan PAFA kepada pelajar.

Kepentingan PAFA kepada pelajar	Peratus (%)	Jumlah (N)
Setuju	90	54
Tidak pasti	8.3	5
Tidak setuju	1.8	1
Jumlah	100	60

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan 90 % ( 54 ) pelajar bersetuju bahawa PAFA adalah penting. Peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa PAFA adalah penting pula ialah 1.7 % ( 1 ).

Perangkaan ini menunjukkan bahawa peratus pelajar yang bersetuju bahawa PAFA adalah penting lebih tinggi ( 90 % ) berbanding dengan peratus pelajar yang tidak bersetuju ( 1.7 % ) PAFA adalah penting .

2. Kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

Jadual 6 : Taburan sampel kajian mengikut kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

Kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara-perkara asas dalam Pendidikan Islam	Peratus (%)	Jumlah (N)
Setuju	85	51
Tidak pasti	13.3	8
Tidak setuju	1.7	1
Jumlah	100	60

Jadual 6 menunjukkan 85 % ( 51 ) pelajar bersetuju bahawa PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara-perkara asas dalam Pendidikan Islam. Peratus pelajar yang tidak bersetuju PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam pula ialah 1.7 % ( 1 ).

Perangkaan ini juga menunjukkan bahawa peratus pelajar yang bersetuju PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam ( 85 % ) lebih tinggi berbanding dengan peratus yang tidak bersetuju PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam ( 1.7 % ).

3. Kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

Jadual 7 : Taburan sampel kajian mengikut kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR	Peratus (%)	Jumlah (N)
Setuju	60	36
Tidak pasti	30	18
Tidak setuju	10	6
Jumlah	100	60

Jadual 7 menunjukkan 60 % ( 36 ) pelajar bersetuju bahawa PAFA dapat membantu mereka untuk mendapatkan gred yang baik dalam Penilaian Menengah Rendah. Peratus yang tidak bersetuju bahawa PAFA dapat membantu mendapatkan gred yang baik dalam PMR pula ialah 10 % ( 6 ).

Perangkaan ini menunjukkan bahawa peratus pelajar yang bersetuju PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR ( 60 % ) adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus pelajar yang tidak bersetuju PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR ( 10 % ).

4. Pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA

Jadual 8: Taburan sampel kajian mengikut pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA.

Pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA	Peratus (%)	Jumlah (N)
Setuju	66.7	40
Tidak pasti	31.7	19
Tidak setuju	1.7	1
Jumlah	100	60

Jadual 8 menunjukkan 67.7 % ( 40 ) pelajar bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka. Peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan pula ialah 1.7 % ( 1 ).

Perangkaan ini menunjukkan bahawa peratus pelajar yang bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan seharian ( 66.7 % ) adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan seharian ( 1.7 % ).

5. Kepentingan amalan ibadat seharian dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik.

Jadual 9 : Taburan sampel kajian mengikut kepentingan amalan ibadat sehariān dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik.

Kepentingan amalan ibadat sehariān dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik	Peratus (%)	Jumlah (N)
Setuju	75	45
Tidak pasti	25	15
Tidak setuju	-	-
Jumlah	100	60

Jadual 9 menunjukkan 75 % ( 45 ) pelajar bersetuju bahawa amalan ibadat sehariān dapat membantu mereka menjawab ujian PAFA dengan baik. Peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa amalan ibadat sehariān dapat membantu mereka menjawab ujian PAFA dengan baik adalah sifar.

Perangkaan ini menunjukkan bahawa peratus pelajar yang bersetuju bahawa amalan ibadat sehariān dapat membantu mereka menjawab ujian PAFA dengan baik ( 75 % ) adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa amalan ibadat sehariān dapat membantu mereka menjawab ujian PAFA dengan baik ( 0 % ).

#### 6. Kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak

Jadual 10 : Taburan sampel kajian mengikut kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak.

Kepentingan mendisiplin dan membentuk akhlak	PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak	Peratus (%)	Jumlah (N)
Setuju		81.7	49
Tidak pasti		16.7	10
Tidak setuju		1.7	1
Jumlah		100	60

Jadual 10 menunjukkan 81.7 % ( 49 ) pelajar bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak mereka. Peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak mereka pula ialah 1.7 % ( 1 ).

Perangkaan ini menunjukkan bahawa peratus pelajar yang bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar ( 81.7 % ) adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar ( 1.7 % ).

4.3.2 Soalan Kajian 2 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap penilaian Perkara Asas Fardu Ain dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) ?

Kajian tentang persepsi pelajar terhadap PAFA dan hubungannya dengan pencapaian akan diuraikan berdasarkan beberapa sub-topik berikut. Sebanyak 6 jadual dibentuk bagi menerangkan hubungan tersebut.

1. Kepentingan PAFA dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 11 : Hubungan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepentingan PAFA kepada pelajar.

Kepentingan PAFA kepada pelajar	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi Chi - square = 1.510 df = 6 sg = .959
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	90.3 % ( 28 )	90.5 % ( 19 )	85.7% ( 6 )	100% ( 1 )	90 % ( 54 )	
Tidak pasti	3.5 % ( 2 )	9.5 % ( 2 )	14.3 % ( 1 )	-	8.3 % ( 5 )	
Tidak setuju	3.2 % ( 1 )	-	-	-	1.7 % ( 1 )	
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100% ( 60 )	

Jadual 11 menunjukkan 90.3 % ( 28 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju PAFA adalah penting berbanding 90.5 % ( 19 ) pencapaian kepujian , 85.7 % ( 6 ) pencapaian lulus dan 100 % ( 1 ) pencapaian gagal yang juga bersetuju bahawa PAFA adalah penting.

Analisis juga menunjukkan 3.2 % ( 1 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa PAFA adalah penting. Walau bagaimanapun nilai chi square = 1.510, df = 6 dan sig = 0.959 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran

Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut penting atau tidaknya PAFA.

2. Kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam dan hubungannya dengan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 12 : Hubungan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

Kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Chi - square = 6.940 df = 6 sg = .326
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	87.1 % ( 27 )	90.5 % ( 19 )	57.1% ( 4 )	100% ( 1 )	85 % ( 51 )	
Tidak Pasti	9.7 % ( 3 )	9.5 % ( 2 )	42.9 % ( 3 )	-	13.3% ( 8 )	
Tidak Setuju	3.2 % ( 1 )	-	-	-	1.7% ( 1 )	
Jumlah	100% ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100% ( 1 )	100% ( 60 )	

Jadual 12 menunjukkan 87.1 % ( 27 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam berbanding 90.5 % ( 19 ) pencapaian kepujian, 57.1 % ( 4 ) pencapaian lulus dan 100 % ( 1 ) pencapaian gagal yang

juga bersetuju PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

Analisis juga menunjukkan 3.2 % ( 1 ) yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam berbanding sifar pencapaian kepujian, lulus dan gagal.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 6.940, df = 6 dan sg = .326 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut perlu atau tidak PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

3. Kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 13 : Hubungan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

Kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi Chi - square = 5.202 df = 6 sg = .518
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	61.3 % ( 19 )	52.4% ( 11 )	71.4 % ( 5 )	100% ( 1 )	60% ( 36 )	
Tidak Pasti	22.6 % ( 7 )	42.9 % ( 9 )	28.6 % ( 2 )	-	30 % ( 18 )	
Tidak Setuju	16.1 % ( 5 )	4.8 % ( 1 )	-	-	10 % ( 6 )	
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100% ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 13 menunjukkan 61.3 % ( 19 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR. Berbanding 52.4 % ( 11 ) pencapaian kepujian, 71.4 % ( 5 ) pencapaian lulus dan 100 % ( 1 ) pencapaian gagal juga bersetuju PAFA dapat membantu pelajar mendapat gred yang baik dalam PMR.

Analisis juga menunjukkan 16.1 % ( 5 ) yang mendapat pencapaian Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju PAFA dapat membantu pelajar mendapat gred yang baik dalam PMR berbanding 4.8 % ( 1 ) pencapaian kepujian.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 5.202, df = 6 dan sg = 0.518 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran

Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut boleh atau tidaknya PAFA membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

4. Pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 14 : Hubungan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA.

Pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	67.7% ( 21 )	76.2 % ( 16 )	42.9% ( 3 )	-	66.7% ( 40 )	Chi - square = 5.875 df = 6 sg = .437
Tidak pasti	29 % ( 9 )	23.8 % ( 5 )	57.1 % ( 4 )	100% ( 1 )	31.7% ( 19 )	
Tidak setuju	3.2 % ( 1 )	-	-	-	1.7 % ( 1 )	
Jumlah	100% ( 31 )	100% ( 21 )	100 % ( 7 )	100% ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 14 menunjukkan 67.7 % ( 21 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan seharian berbanding 76.2 % ( 16 ) pencapaian kepujian, 42.9 % ( 3 ) pencapaian lulus juga bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan seharian.

Analisis juga menunjukkan 3.2 % ( 1 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan seharian.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 5.875, df = 6 dan sg = 0.437 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut berguna atau tidaknya PAFA dalam kehidupan pelajar.

5. Kepentingan amalan ibadat seharian dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 15 : Hubungan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan kepentingan amalan ibadat seharian dalam membantu menjawab PAFA dengan baik.

Kepentingan amalan ibadat seharian dalam membantu menjawab PAFA dengan baik	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	80.6 % ( 25 )	81 % ( 17 )	42.9% ( 3 )	-	75 % ( 45 )	Chi square = 7.781
Tidak pasti	19.4 % ( 6 )	19 % ( 4 )	57.1 % ( 4 )	100 % ( 1 )	25 % ( 15 )	df = 3
Tidak setuju	-	-	-	-	-	sg = .051
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100% ( 60 )	

Jadual 15 menunjukkan 80.6 % ( 25 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa amalan ibadat sehari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik berbanding 81.1 % ( 17 ) pelajar pencapaian kepujian , 42.9 % ( 3 ) pencapaian lulus yang juga bersetuju amalan ibadat sehari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik.

Analisis juga menunjukkan 19.4 % ( 6 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR menyatakan tidak pasti bahawa amalan ibadat sehari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik berbanding 19.0 % ( 4 ) pencapaian kepujian, 57.1 % ( 4 ) pencapaian lulus dan 100 % ( 1 ) pencapaian gagal juga menyatakan tidak pasti amalan ibadat sehari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 7.781, df = 3 dan sg = .051 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut berguna atau tidak amalan ibadat sehari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik.

6. Kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 16 : Hubungan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak.

Kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	77.4 % ( 24 )	90.5 % ( 19 )	71.4 % ( 5 )	100 % ( 1 )	81.7% ( 49 )	Chi square = 2.874
Tidak pasti	19.4 % ( 6 )	9.5 % ( 2 )	28.6 % ( 2 )	-	16.7 % ( 10 )	df = 6
Tidak setuju	3.2 % ( 1 )	-	-	-	1.7 % ( 1 )	sg = .825
Jumlah	100 % (31)	100 % (21)	100 % (7)	100 % (1)	100 % (60)	

Jadual 16 menunjukkan 77.4 % ( 24 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar berbanding 90.5 % ( 19 ) pencapaian kepujian, 71.4 % ( 5 ) pencapaian lulus dan 100 % ( 1 ) pencapaian gagal yang juga bersetuju ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar.

Analisis juga menunjukkan 3.2 % ( 1 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar berbanding dengan tiada pelajar yang mendapat pencapaian kepujian, lulus dan gagal yang tidak bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar .

Walau bagaimanapun nilai chi square = 2.874 , df = 6 dan sg = 0.825 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar.

Rumusannya daripada kesemua sudut persepsi pelajar yang diukur, keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap PAFA dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR. Dapatan ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap PAFA tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR sama ada cemerlang, kepujian, lulus atau gagal.

4.3.3 Soalan kajian 3 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dengan pekerjaan bapa atau penjaga pelajar ?

Bagi menjawab soalan ini, sebanyak 6 jadual dibentuk oleh pengkaji.

1. Kepentingan PAFA kepada pelajar dan hubungannya dengan pekerjaan bapa atau penjaga.

Jadual 17 : Hubungan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan kepentingan PAFA kepada pelajar.

Kepentingan PAFA kepada pelajar	Pekerjaan bapa / penjaga pelajar				Korelasi
	Kerajaan	Swasta	Sendiri	Jumlah	
Setuju	90.3 % ( 28 )	100 % ( 4 )	88 % ( 22 )	90 % ( 54 )	Chi square = 1.860
Tidak pasti	1.5 % ( 2 )	-	12 % ( 3 )	8.3 % ( 5 )	df = 4
Tidak setuju	3.2 % ( 1 )	-	-	1.7 % ( 1 )	sg = .762
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 4 )	100 % ( 25 )	100 % ( 60 )	

Jadual 17 menunjukkan 90.3 % ( 28 ) pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja sebagai pegawai kerajaan bersetuju bahawa PAFA adalah penting berbanding 100 % ( 4 ) yang bapa atau penjaga bekerja dalam sektor swasta dan 88 % ( 22 ) bekerja sendiri yang juga bersetuju bahawa PAFA adalah penting.

Analisis juga menunjukkan 3.2 % ( 1 ) pelajar yang bapa atau penjaga bekerja sebagai pegawai kerajaan tidak bersetuju bahawa PAFA adalah penting berbanding dengan tiada pelajar yang bapa atau penjaga bekerja di sektor swasta atau bekerja sendiri yang tidak bersetuju bahawa PAFA ini adalah penting.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 1.860, df = 4 , dan sg = 0.762 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan persepsi pelajar terhadap penilaian PAFA dari sudut penting atau tidaknya penilaian PAFA tersebut.

2. Kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam dan hubungannya dengan pekerjaan bapa atau penjaga.

Jadual 18 : Hubungan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

Kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam	Pekerjaan bapa / penjaga pelajar				Korelasi
	Kerajaan	Swasta	Sendiri	Jumlah	
Setuju	90.3 % ( 28 )	75 % ( 3 )	80 % ( 20 )	85 % ( 51 )	Chi - square = 3.502
Tidak pasti	6.5 % ( 2 )	25 % ( 1 )	20 % ( 5 )	13.3 % ( 8 )	df = 4
Tidak setuju	3.2 % ( 1 )	-	-	1.7 % ( 1 )	sg = .478
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 4 )	100 % ( 25 )	100 % ( 60 )	

Jadual 18 menunjukkan 90.3 % ( 28 ) pelajar yang bapa dan penjaganya bekerja dalam perkhidmatan kerajaan bersetuju bahawa PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas Pendidikan Islam berbanding 75 % ( 3 ) yang bapa atau penjaga mereka bekerja di sektor swasta dan 80 % ( 20 ) bekerja sendiri yang juga bersetuju bahawa PAFA ini perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam .

Analisis juga menunjukkan 6.5 % ( 2 ) pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja dengan kerajaan menyatakan tidak pasti bahawa PAFA ini perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam berbanding 25 % ( 1 ) yang bapa atau

penjaga bekerja di sektor swasta dan 20 % ( 5 ) bekerja sendiri juga menyatakan tidak pasti bahawa PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 3.504, df = 4 dan sig = 0.478 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbeaan yang signifikan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut penting atau tidaknya PAFA boleh meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

3. Kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR dan hubungannya dengan pekerjaan bapa atau penjaga.

Jadual 19: Hubungan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

Kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR	Pekerjaan bapa / penjaga pelajar				Korelasi
	Kerajaan	Swasta	Sendirii	Jumlah	
Setuju	64.5 % ( 20 )	25 % ( 1 )	60 % ( 15 )	60 % ( 36 )	Chi square = 2.674 df = 4 sg = .614
Tidak pasti	25.8 % ( 8 )	50 % ( 2 )	32 % ( 8 )	30 % ( 18 )	
Tidak setuju	9.7 % ( 3 )	25 % ( 1 )	8 % ( 2 )	10 % ( 6 )	
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 4 )	100 % ( 25 )	100 % ( 60 )	

Jadual 19 menunjukkan 64.5 % ( 20 ) pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja dalam perkhidmatan kerajaan bersetuju bahawa PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR berbanding 25 % ( 1 ) yang bapa atau penjaganya bekerja dalam sektor swasta dan 60 % ( 15 ) yang bapa atau penjaga mereka bekerja sendiri juga bersetuju bahawa PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

Analisis juga menunjukkan 9.7 % ( 3 ) pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja dengan kerajaan tidak bersetuju bahawa PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR berbanding 25 % ( 1 ) yang bapa atau penjaganya bekerja dalam sektor swasta dan 8.0 % ( 2 ) yang bapa atau penjaganya bekerja sendiri juga tidak bersetuju bahawa PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

Nilai chi square = 2.674, df = 4 dan sig = 0.614 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut perlu atau tidaknya PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

4. Pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dan hubungannya dengan pekerjaan bapa atau penjaga.

Jadual 20 : Hubungan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA.

Pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA	Pekerjaan bapa / penjaga pelajar				Korelasi
	Kerajaan	Swasta	Sendiri	Jumlah	
Setuju	61.3 % ( 19 )	50 % ( 2 )	76 % ( 19 )	66.7 % ( 40 )	Chi square = 2.594 df = 4 sg = .628
Tidak pasti	35.5 % ( 11 )	50 % ( 2 )	24 % ( 6 )	31.7 % ( 19 )	
Tidak setuju	3.2 % ( 1 )	-	-	1.7 % ( 1 )	
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 4 )	100 % ( 25 )	100 % ( 60 )	

Jadual 20 menunjukkan 61.3 % ( 19 ) pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja dalam perkhidmatan kerajaan bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan pelajar berbanding 50 % ( 2 ) pelajar yang bapa atau penjaga bekerja di sektor swasta dan 76 % ( 19 ) yang bapa atau penjaganya bekerja sendiri juga bersetuju bahawa pelajar dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka.

Analisis juga menunjukkan hanya 3.2 % ( 1 ) pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja dalam perkhidmatan kerajaan tidak bersetuju bahawa pelajar tersebut dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan seharian berbanding tiada pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja dalam sektor swasta atau bekerja sendiri yang tidak bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka seharian.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 2.594, df = 4 dan sig = 0.628 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut adakah PAFA boleh membantu pelajar untuk mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka sehari-hari.

5. Kepentingan amalan ibadat sehari-hari dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik dan hubungannya dengan pekerjaan bapa atau penjaga.

Jadual 21 : Hubungan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan kepentingan amalan ibadat sehari-hari dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik

Kepentingan amalan ibadat sehari-hari dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik	Pekerjaan bapa / penjaga pelajar				Korelasi
	Kerajaan	Swasta	Sendiri	Jumlah	
Setuju	80.6 % ( 25 )	100 % ( 4 )	64 % ( 16 )	75 % ( 45 )	Chi square = 3.474  df = 2  sg = .176
Tidak pasti	19.4 % ( 6 )	-	36 % ( 9 )	25 % ( 15 )	
Tidak setuju	-	-	-	-	
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 4 )	100 % ( 25 )	100 % ( 60 )	

Jadual 21 menunjukkan 80.6 % ( 25 ) pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja dalam perkhidmatan kerajaan bersetuju bahawa amalan ibadat sehari-hari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik berbanding 100 % ( 4 ) yang bapa atau penjaganya bekerja dalam sektor swasta dan 64 % ( 16 ) yang juga bersetuju bahawa amalan ibadat sehari-hari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik.

Analisis juga menunjukkan tiada pelajar yang bapa atau penjaganya samada dalam perkhidmatan kerajaan, swasta atau bekerja sendiri yang tidak bersetuju bahawa amalan ibadat sehari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 3.474, df = 2 dan sig = .176 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut boleh atau tidak amalan ibadat sehari membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik.

6. Kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak dan hubungannya dengan pekerjaan bapa atau penjaga.

Jadual 22 : Hubungan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak.

Kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak	Pekerjaan bapa / penjaga pelajar				Korelasi
	Kerajaan	Swasta	Sendiri	Jumlah	
Setuju	80.6 % ( 25 )	100 % ( 4 )	80 % ( 20 )	81.6% ( 49 )	Chi square = 2.385
Tidak pasti	19.4 % ( 6 )	-	16 % ( 4 )	16.7 % ( 10 )	df = 4
Tidak setuju	-	-	4 % ( 1 )	1.7 % ( 1 )	sg = .665
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 4 )	100 % ( 25 )	100 % ( 60 )	

Jadual 22 menunjukkan 80.6 % ( 25 ) pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja dalam perkhidmatan kerajaan bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplinkan dan

membentuk akhlak pelajar berbanding 100 % ( 4 ) yang bapa atau penjaganya bekerja dalam sektor swasta dan 80 % ( 20 ) yang bapa atau penjaganya bekerja sendiri juga bersetuju ujian PAFA dapat mendisiplinkan dan membentuk akhlak pelajar.

Analisis juga menunjukkan tiada pelajar yang bapa atau penjaga mereka bekerja dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta yang tidak bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplinkan dan membentuk akhlak pelajar berbanding 4 % ( 1 ) pelajar yang bapa atau penjaganya yang bekerja sendiri tidak bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplinkan dan membentuk akhlak pelajar.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 2.385, df = 4 dan sig = 0.665 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pekerjaan bapa atau penjaga dengan persepsi pelajar terhadap PAFA dari sudut perlu atau tidak PAFA untuk mendisiplinkan dan membentuk akhlak pelajar.

Kesimpulannya dari kesemua sudut persepsi pelajar yang diukur keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap PAFA dengan pekerjaan bapa atau penjaga. Dapatkan ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap PAFA tidak dipengaruhi oleh pekerjaan bapa atau penjaga sama ada dalam perkhidmatan kerajaan , swasta atau sendiri.

**4.3.4 Soalan kajian 4 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam dalam PMR ?**

Bagi menjawab soalan ini, sebanyak 4 jadual telah dibentuk oleh pengkaji dan huraian dibuat berdasarkan beberapa sub-topik berikut.

1. Kepentingan teknik dan kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam dalam membantu pelajar menjawab PAFA dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

**Jadual 23 : Hubungan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan kepentingan teknik dan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam pelajar menjawab PAFA.**

Kepentingan teknik dan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam membantu pelajar menjawab PAFA	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	54.8 % ( 17 )	81 % ( 17 )	71.4 % ( 5 )	100 % ( 1 )	66.7 % ( 40 )	Chi square = 5.152
Tidak pasti	32.3 % ( 10 )	14.3 % ( 3 )	28.6 % ( 2 )	-	25 % ( 15 )	
Tidak setuju	12.9 % ( 4 )	4.8 % ( 1 )	-	-	8.3 % ( 5 )	df = 6
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100 % ( 60 )	sg = .524

Jadual 23 menunjukkan 54.8 % ( 17 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa teknik dan kaedah

pengajaran guru Pendidikan Islam membantu pelajar menjawab dalam PAFA berbanding dengan 81 % ( 17 ) pencapaian kepujian, 71.4 % ( 5 ) pencapaian lulus dan 100 % ( 1 ) pencapaian gagal yang juga bersetuju bahawa teknik dan kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam membantu pelajar menjawab dalam PAFA.

Analisis juga menunjukkan 12.9 % ( 4 ) pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang dalam Pendidikan Islam dalam PMR tidak bersetuju bahawa teknik dan kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam membantu mereka menjawab dalam PAFA berbanding 4.8 % ( 1 ) pencapaian kepujian dan tiada pelajar yang pencapaian lulus serta gagal turut tidak bersetuju bahawa teknik dan kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam membantu pelajar menjawab dalam PAFA.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 5.152, df = 6 dan sig = .524 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dari sudut kepentingan teknik dan kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam membantu pelajar menjawab dalam PAFA.

2. Kekerapan pelajar berjumpa guru Pendidikan Islam dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 24 : Hubungan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan kekerapan pelajar berjumpha guru Pendidikan Islam.

Kekerapan pelajar berjumpha guru Pendidikan Islam	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	32.3% ( 10 )	38.1 % ( 8 )	42.9 % ( 3 )	-	35 % ( 21 )	Chi square = 1.592
Tidak pasti	48.4 % ( 15 )	47.6 % ( 10 )	42.9 % ( 3 )	100 % ( 1 )	48.3 % ( 29 )	df = 6
Tidak setuju	19.4 % ( 6 )	14.3 % ( 3 )	14.3 % ( 1 )	-	16.7 % ( 10 )	sg = .953
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 24 menunjukkan 32.3 % ( 10 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa jika pelajar bermasalah mereka selalu bertanya guru berbanding dengan 38.1 % ( 8 ) pencapaian kepujian dan 42.9 % ( 3 ) pencapaian lulus juga bersetuju bahawa mereka akan berjumpha guru jika ada masalah yang berkaitan.

Analisis juga menunjukkan 19.4 % ( 6 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa jika pelajar bermasalah mereka akan bertanya guru berbanding 14.3 % ( 3 ) pencapaian kepujian dan 14.3 % ( 1 ) pencapaian lulus juga tidak bersetuju bahawa jika pelajar bermasalah mereka selalu bertanya guru.

Walau bagaimanapun nilai Chi square = 1.592, df = 6 dan sig = .953 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran

Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dari sudut selalu atau tidak pelajar bertanya guru jika mereka bermasalah.

3. Kekerapan guru memberi maklum balas tentang prestasi pelajar dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 25 : Hubungan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan kekerapan guru memberi maklum balas tentang prestasi pelajar.

Kekerapan guru memberi maklum balas tentang prestasi pelajar	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	16.1 % ( 5 )	33.3 % ( 7 )	42.9 % ( 3 )	-	25 % ( 15 )	Chi square = 5.940
Tidak pasti	45.2 % ( 14 )	47.6 % ( 10 )	42.9 % ( 3 )	100 % ( 1 )	46.7 % ( 28 )	df = 6
Tidak setuju	38.7 % ( 12 )	19 % ( 4 )	14.3 % ( 1 )	-	28.3 % ( 17 )	sg = .430
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 25 menunjukkan 16.1 % ( 5 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi pelajar tersebut berbanding 33.3 % ( 7 ) pencapaian kepujian, 42.9 % ( 3 ) pencapaian lulus dan tiada pelajar pencapaian gagal yang juga bersetuju guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi mereka.

Analisis juga menunjukkan 38.7 % ( 12 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi mereka berbanding 19.0 % ( 4 ) pencapaian kepujian, 14.3 % ( 1 ) pencapaian lulus dan tiada pelajar pencapaian gagal yang juga tidak bersetuju bahawa guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi mereka.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 5.940, df = 6 dan sig = 0.430 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dari sudut adakah guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi pelajar tersebut.

4. Kemantapan ilmu tentang Islam di kalangan guru Pendidikan Islam dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 26 : Hubungan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan kemantapan ilmu tentang Islam di kalangan guru Pendidikan Islam.

Kemantapan ilmu tentang Islam di kalangan guru Pendidikan Islam	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	51.6 % ( 16 )	57.1 % ( 12 )	57.1 % ( 4 )	-	53.3 % ( 32 )	Chi square = 1.343
Tidak pasti	48.4 % ( 15 )	42.9 % ( 9 )	42.9 % ( 3 )	100 % ( 1 )	46.7 % ( 28 )	df = 3
Tidak setuju	-	-	-	-	-	sg = .719
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 26 menunjukkan 51.6 % ( 16 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka mempunyai ilmu yang mantap tentang Islam berbanding 57.1 % ( 12 ) pencapaian kepujian dan 57.1 % ( 4 ) pencapaian lulus yang juga bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka mempunyai ilmu yang mantap tentang Islam.

Analisis juga menunjukkan 48.4 % ( 18 ) pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang dalam PMR menyatakan tidak pasti bahawa guru Pendidikan Islam mereka mempunyai ilmu yang mantap tentang Islam berbanding 42.9 % ( 9 ) pencapaian kepujian, 42.9 % ( 3 ) pencapaian lulus dan 100 % ( 1 ) pencapaian gagal juga tidak pasti bahawa guru Pendidikan Islam mereka mempunyai ilmu yang mantap tentang Islam.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 1.343, df = 3 dan sig = .719 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dari sudut tinggi atau tidak ilmu tentang Islam yang ada pada guru Pendidikan Islam.

Rumusannya dari semua sudut persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam yang diukur, keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR. Persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam sama ada cemerlang, kepujian, lulus atau gagal.

#### 4.3.5 Soalan kajian 5 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dengan pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR ?

Bahagian ini dibahagikan kepada beberapa sub-topik yang digambarkan melalui 4 jadual.

1. Peranan ibu bapa dalam membantu pelajar menjawab PAFA dan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 27 : Hubungan antara pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dalam membantu pelajar menjawab PAFA dan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Peranan ibu bapa dalam membantu pelajar menjawab PAFA dan mata pelajaran Pendidikan Islam	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	38.7 % ( 12 )	66.7 % ( 14 )	57.1 % ( 4 )	-	50 % ( 30 )	Chi square = 5.853
Tidak pasti	45.2 % ( 14 )	23.8 % ( 5 )	28.6 % ( 2 )	100 % ( 1 )	36.7 % ( 22 )	df = 6
Tidak setuju	16.1 % ( 5 )	9.5 % ( 2 )	14.3 % ( 1 )	-	13.3 % ( 8 )	sg = .440
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 27 menunjukkan 38.7 % ( 12 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa ibu bapa membantu mereka dalam ujian PAFA dan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam berbanding 66.7 % ( 14 ) pencapaian kepujian dan 57.1 % ( 4 ) pencapaian gagal juga bersetuju bahawa ibu bapa membantu mereka dalam ujian PAFA dan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Analisis juga menunjukkan 16.1 % ( 5 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa ibu bapa membantu mereka dalam ujian PAFA dan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam berbanding 9.5 % ( 2 ) pencapaian kepujian dan 14.3 % ( 1 ) pencapaian lulus juga tidak bersetuju bahawa ibu bapa membantu mereka dalam ujian PAFA dan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 5.853, df = 6 dan sig = .440 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dengan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dari sudut adakah ibu bapa membantu pelajar dalam ujian PAFA dan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam .

2. Peranan ibu bapa dalam pendidikan agama pelajar dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 28 : Hubungan antara pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dalam Pendidikan Agama pelajar.

Peranan ibu bapa dalam Pendidikan Agama pelajar	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	77.4 % ( 24 )	85.7 % ( 18 )	85.7 % ( 6 )	-	80 % ( 48 )	Chi-square = 7.880 df = 6 sg = .247
Tidak pasti	12.9 % ( 4 )	9.5 % ( 2 )	14.3 % ( 1 )	100 % ( 1 )	13.3% ( 8 )	
Tidak setuju	9.7 % ( 3 )	4.8 % ( 1 )	-	-	6.7 % ( 4 )	
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 28 menunjukkan 77.4 % ( 24 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa ibu bapa memberikan galakan dan nasihat dalam pendidikan agama mereka berbanding dengan 85.7 % ( 18 ) pencapaian kepujian dan 85.7 % ( 6 ) pencapaian lulus juga bersetuju bahawa ibu bapa memberikan galakan dan nasihat dalam pendidikan agama mereka.

Analisis juga menunjukkan 9.7 % ( 3 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa ibu bapa memberikan galakan dan nasihat dalam pendidikan agama mereka berbanding 4.8 % ( 1 ) pencapaian kepujian juga tidak bersetuju bahawa ibu bapa memberikan galakan dan nasihat dalam pendidikan agama mereka.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 7.7880, df = 6 dan sig = .247 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dari sudut adakah ibu bapa memberikan galakan dan nasihat dalam pendidikan agama mereka.

3. Kekurangan masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 29 : Hubungan antara pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap kekurangan masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah.

Kekurangan masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	16.1 % ( 5 )	33.3 % ( 7 )	14.3 % ( 1 )	-	21.7 % ( 13 )	Chi-square = 15.322
Tidak pasti	29 % ( 9 )	57.1 % ( 12 )	71.4 % ( 5 )	100 % ( 1 )	45 % ( 27 )	df = 6
Tidak setuju	54.8 % ( 17 )	9.5 % ( 2 )	14.3 % ( 1 )	-	33.3 % ( 20 )	sg = .18
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 29 menunjukkan 16.1 % ( 5 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR bersetuju bahawa mereka kekurangan masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah berbanding 33.3 % ( 7 ) pencapaian kepujian dan 14.3 % ( 1 ) pencapaian lulus juga bersetuju bahawa mereka kekurangan masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah.

Analisis juga menunjukkan 54.8 % ( 17 ) pelajar yang mendapatkan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa mereka kekurangan masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah berbanding 9.5 % ( 2 ) pencapaian kepujian dan 14.3 % ( 1 ) pencapaian lulus juga tidak bersetuju bahawa mereka kekurangan masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 15.322, df = 6 dan sig = .18 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa.

4. Peranan ibu bapa untuk menghantar pelajar ke kelas Fardu Ain dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 30 : Hubungan antara pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa untuk menghantar pelajar ke kelas Fardu Ain.

Peranan ibu bapa untuk menghantar pelajar ke kelas Fardu Ain	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR					Korelasi
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah	
Setuju	12.9 % ( 4 )	23.8 % ( 5 )	42.9 % ( 3 )	-	20 % ( 12 )	Chi square = 7.649 df = 6 sg = .265
Tidak pasti	25.8 % ( 8 )	38.1 % ( 8 )	28.6 % ( 2 )	100 % ( 1 )	31.7 % ( 19 )	
Tidak setuju	61.3 % ( 19 )	38.1 % ( 8 )	28.6 % ( 2 )	-	48.3 % ( 29 )	
Jumlah	100 % ( 31 )	100 % ( 21 )	100 % ( 7 )	100 % ( 1 )	100 % ( 60 )	

Jadual 30 menunjukkan 12.9 % ( 4 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa ibu bapa menghantar mereka ke kelas Fardu Ain berbanding 23.8 % ( 5 ) pencapaian kepujian dan 42.9 % ( 3 ) pencapaian lulus juga bersetuju bahawa ibu bapa menghantar mereka ke kelas Fardu Ain.

Analisis juga menunjukkan 61.3 % ( 19 ) pelajar yang mendapat pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa ibu bapa menghantar mereka ke kelas Fardu Ain berbanding 38.1 % ( 8 ) pencapaian kepujian dan 28.6 % ( 2 ) pencapaian lulus yang juga tidak bersetuju bahawa ibu bapa menghantar mereka ke kelas Fardu Ain.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 7.649, df = 6 dan sig = .265 ( t.s ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran

Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dari sudut ada atau tidak ibu bapa yang menghantar pelajar ke kelas Fardu Ain.

Rumusannya dari kesemua sudut persepsi pelajar yang diukur, keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR. Dapatkan ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR sama ada cemerlang, kepujian, lulus atau gagal.

4.3.6 Soalan Kajian 6 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian pelajar dalam PMR mengikut jantina ?

Bagi menjawab soalan ini, sebanyak 4 jadual telah dibentuk bagi menganalisis sub-topik tersebut.

1. Kepentingan teknik dan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam membantu pelajar menjawab PAFA dan hubungannya dengan pencapaian pelajar dalam PMR mengikut jantina.

Jadual 31 : Hubungan pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan kepentingan teknik dan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam membantu pelajar menjawab PAFA mengikut jantina.

Kepentingan teknik dan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam membantu menjawab PAFA	Lelaki				
	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR				
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah
Setuju	43.8 % ( 7 )	75 % ( 6 )	60 % ( 3 )	100 % ( 1 )	56.7 % ( 17 )
Tidak pasti	37.5 % ( 6 )	12.5 % ( 1 )	40 % ( 2 )	-	30 % ( 9 )
Tidak setuju	18.8 % ( 3 )	12.5 % ( 1 )	-	-	13.3 % ( 4 )
Jumlah	100 % ( 16 )	100 % ( 8 )	100 % ( 5 )	100 % ( 1 )	100 % ( 30 )

$$\text{Chi square} = 4.026, \text{ df} = 6, \text{ sg} = .673$$

Sambungan Jadual 31.

Kepentingan teknik dan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam membantu menjawab PAFA	Perempuan				
	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR				
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah
Setuju	66.7% ( 10 )	84.6 % ( 11 )	100 % ( 2 )	-	76.7 % ( 23 )
Tidak pasti	26.7 % ( 4 )	15.4 % ( 2 )	-	-	20 % ( 6 )
Tidak setuju	6.7 % ( 1 )	-	-	-	3.3 % ( 1 )
Jumlah	100 % ( 15 )	100 % ( 13 )	100 % ( 2 )	-	100 % ( 30 )

$$\text{Chi-square} = 2.317 \text{ df} = 4, \text{ sg} = .678$$

Jadual 31 menunjukkan 43.8 % ( 7 ) pelajar lelaki yang cemerlang dalam PMR bersetuju bahawa teknik dan kaedah pengajaran guru membantu mereka menjawab dalam PAFA berbanding 66.7 % ( 10 ) pelajar perempuan yang pencapaian cemerlang dalam Pendidikan Islam bersetuju bahawa teknik dan kaedah pengajaran guru membantu mereka menjawab dalam PAFA.

Analisis juga juga menunjukkan 18.8 % ( 3 ) pelajar lelaki yang mencapai cemerlang dalam Pendidikan Islam peringkat PMR tidak bersetuju bahawa teknik dan kaedah pengajaran guru membantu mereka menjawab dalam PAFA berbanding dengan 6.7 % ( 1 ) pelajar perempuan yang mencapai cemerlang dalam PMR tidak bersetuju bahawa teknik dan keaedah pengajaran guru membantu mereka menjawab dalam PAFA.

Walau bagaimanapun nilai Chi square = 4. 026, df = 6 dan sig = 0.673 ( t.s ) bagi pelajar lelaki dan nilai chi square = 2.317, df = 4 dan sig = .678 ( t.s ) bagi pelajar perempuan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam mengikut jantina sama ada pelajar lelaki atau perempuan.

2. Kekerapan pelajar berjuma guru mata pelajaran Pendidikan Islam dan hubungannya dengan pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR mengikut jantina.

Jadual 32 : Hubungan antara pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap kekerapan pelajar berjumpa guru mata pelajaran Pendidikan Islam mengikut jantina.

Kekerapan pelajar berjumpa guru mata pelajaran Pendidikan Islam	Lelaki				
	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR				
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah
Setuju	25 % (4)	-	20 % (1)	-	40 % (6)
Tidak pasti	50 % (8)	75 % (6)	60 % (3)	100 % (1)	60 % (18)
Tidak setuju	25 % (4)	25 % (2)	20 % (1)	-	23.3 % (7)
Jumlah	100 % (16)	100 % (8)	100 % (5)	100 % (1)	100 % (30)

Chi square = 3.319, df = 6 dan sg = .768

Sambungan Jadual 32.

Kekerapan pelajar berjumpa guru mata pelajaran Pendidikan Islam	Perempuan				
	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR				
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah
Setuju	40 % (6)	61.5 % (8)	100 % (2)	-	53.3 % (16)
Tidak pasti	46.7 % (7)	30.8 % (4)	-	-	36.7 % (11)
Tidak setuju	13.3 % (2)	7.7 % (1)	-	-	10 % (3)
Jumlah	100 % (15)	100 % (13)	100 % (2)	-	100 % (30)

Chi square = 3.182, df = 4 dan sg = .528

Jadual 32 menunjukkan 25 % ( 4 ) pelajar lelaki yang pencapaian cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR bersetuju bahawa mereka akan berjuma dengan guru jika ada masalah berkaitan berbanding dengan 10 % ( 6 ) pelajar perempuan yang pencapaian cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR juga bersetuju bahawa mereka akan berjuma dengan guru jika terdapat masalah berkaitan.

Analisis juga menunjukkan 25 % ( 4 ) pelajar lelaki yang pencapaian cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR tidak bersetuju bahawa mereka selalu bertanya guru masalah yang berkaitan berbanding 13.3 % ( 2 ) pelajar perempuan yang pencapaian cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR juga tidak bersetuju mereka selalu berjuma dengan guru bertanya masalah berkaitan.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 3.319, df = 6 dan sig = .768 ( t.s ) bagi pelajar lelaki dan nilai Chi square = 3.182, df = 4 dan sig = .528 ( t.s ) bagi pelajar perempuan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam mengikut jantina sama ada lelaki atau perempuan.

3. Kekerapan guru memberi maklum balas tentang prestasi mata pelajaran Pendidikan Islam dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam mengikut jantina.

Jadual 33 : Hubungan antara pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap kekerapan guru memberi maklum balas tentang prestasi pelajar mata pelajaran Pendidikan Islam mengikut jantina.

Kekerapan guru memberi maklum balas tentang prestasi pelajar mata pelajaran Pendidikan Islam	Lelaki				
	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR				
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah
Setuju	12.5 % (2)	37.5 % (3)	40 % (2)	-	23.3 % (7)
Tidak pasti	56.3 % (9)	50 % (4)	40 % (2)	100 % (1)	53.3 % (16)
Tidak setuju	31.3 % (5)	12.5 % (1)	20 % (1)	-	23.3 % (7)
Jumlah	100 % (16)	100 % (8)	100 % (5)	100 % (1)	100 % (30)

$$\text{Chi - square} = 4.028, \text{ df} = 6 \text{ dan sg} = .673$$

Sambungan Jadual 33 :

Kekerapan guru memberi maklum balas tentang prestasi pelajar mata pelajaran Pendidikan Islam	Perempuan				
	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR				
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah
Setuju	20 % (3)	30.8 % (4)	50 % (1)	-	26.7 % (8)
Tidak pasti	33.3 % (5)	46.2 % (6)	50 % (1)	-	40 % (12)
Tidak setuju	46.7 % (7)	23.1 % (3)	-	-	33.3 % (10)
Jumlah	100 % (15)	100 % (13)	100 % (2)	-	100 % (30)

$$\text{Chi square} = 2.957, \text{ df} = 4 \text{ dan sg} = .565.$$

Jadual 33 menunjukkan 12.5 % ( 2 ) pelajar lelaki yang mencapai cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR bersetuju bahawa guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi mereka berbanding 20 % ( 3 ) pelajar perempuan yang mencapai cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR bersetuju bahawa guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi mereka.

Analisis juga menunjukkan 31.3 % ( 5 ) pelajar lelaki yang mencapai cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR tidak bersetuju bahawa guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi mereka berbanding 46.7 % ( 7 ) pelajar perempuan yang mencapai cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR tidak bersetuju bahawa guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi mereka .

Walau bagaimanapun nilai chi square = 4.028, df = 6 dan sig = .673 ( t.s ) bagi pelajar lelaki dan nilai chi square = 2. 957, df = 4 dan sig = .565 ( t.s ) bagi pelajar perempuan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dari sudut kekerapan guru memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi pelajar mengikut jantina sama ada lelaki dan perempuan.

4. Kemantapan ilmu tentang Islam di kalangan guru mata pelajaran Pendidikan Islam dan hubungannya dengan pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR.

Jadual 34 : Hubungan antara pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR dengan persepsi pelajar terhadap kemantapan ilmu tentang Islam di kalangan guru Pendidikan Islam.

Kemantapan ilmu tentang Islam di kalangan guru Pendidikan Islam	Lelaki				
	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR				
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah
Setuju	43.8 % ( 7 )	12.5 % ( 1 )	40 % ( 2 )	-	33.3 % ( 10 )
Tidak pasti	56.3 % ( 9 )	87.5 % ( 7 )	60 % ( 3 )	100 % ( 1 )	66.7 % ( 20 )
Tidak setuju	-	-	-	-	-
Jumlah	100 % ( 16 )	100 % ( 8 )	100 % ( 5 )	100 % ( 1 )	100 % ( 30 )

Chi-suare= 2.944 , df =3 dan sig = 0.400

Sambungan Jadual 34 :

Kemantapan ilmu tentang Islam di kalangan guru Pendidikan Islam	Perempuan				
	Pencapaian Pendidikan Islam dalam PMR				
	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah
Setuju	60 % ( 9 )	84.6 % ( 11 )	100 % ( 2 )	-	73.3 % ( 22 )
Tidak pasti	40 % ( 6 )	15.4 % ( 2 )	-	-	26.7 % ( 8 )
Tidak setuju	-	-	-	-	-
Jumlah	100 % ( 15 )	100 % ( 13 )	100 % ( 2 )	-	100 % ( 30 )

Chi square = 2.937, df = 2 dan sg = .230

Jadual 34 menunjukkan 43.8 % ( 7 ) pelajar lelaki yang pencapaian cemerlang dalam Pendidikan Islam PMR bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka mempunyai ilmu yang mantap mengenai Islam berbanding 60 % ( 9 ) pelajar perempuan yang mencapai cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR juga bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka mempunyai ilmu yang mantap tentang Islam.

Analisis juga menunjukkan 56.3 % ( 9 ) pelajar lelaki yang mencapai cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR tidak pasti bahawa guru Pendidikan Islam mereka mempunyai ilmu yang mantap tentang Islam berbanding 40 % ( 6 ) pelajar perempuan yang mencapai cemerlang Pendidikan Islam dalam PMR tidak pasti bahawa guru Pendidikan Islam mereka mempunyai ilmu yang mantap tentang Islam.

Walau bagaimanapun nilai chi square = 2.944, df = 3 dan sig = .400 ( t.s ) bagi pelajar lelaki berbanding nilai chi square = 2.937, df = 2 dan sig = .230 ( t.s ) bagi pelajar perempuan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dari sudut tinggi atau tidak ilmu tentang Islam yang dikuasai guru Pendidikan Islam mengikut jantina pelajar sama ada lelaki atau perempuan.

Rumusannya dari kesemua sudut persepsi pelajar yang diukur keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR mengikut jantina. Dapatan ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap

pengajaran guru tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam sama ada cemerlang, kepujian, lulus atau gagal mengikut jantina pelajar iaitu lelaki atau perempuan.

#### **4.4 Rumusan**

Bahagian ini telah melaporkan keputusan kajian. Jawapan bagi soalan kajian pertama diperolehi melalui taburan kekerapan dan peratus. Jawapan bagi soalan kajian kedua hingga keenam pula berkaitan hubungan antara variabel menggunakan kaedah 'crosstabulation' dan nilai chi square Pearson's R . Analisis korelasi yang digunakan dalam kajian ini mengambil signifikan pada aras 0.05.